

## Sirah Nabi Muhammad SAW dalam Novel 'Dia': Karya Mohd Labib Ahmad

**BITARA**

Volume 5, Issue 2, 2022: 23-50

© The Author(s) 2022

e-ISSN: 2600-9080

<http://www.bitarajournal.com>

Received: 23 April 2022

Accepted: 21 Mei 2022

Published: 20 Jun 2022

### [The Story of Prophet Muhammad PBUH in Novel 'Dia' authored by Mohd Labib Ahmad]

Nurhasma Muhamad Saad,<sup>1\*</sup> Yuslina Mohamed,<sup>1</sup> Wan Moharani Mohammad,<sup>1</sup>  
Muhammad Marwan Ismail,<sup>1</sup> Zulamali @ Abdul Aziz Matassan<sup>2</sup>

1 Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.  
E-mail: nurhasma@usim.edu.my; yuslina@usim.edu.my; moharani@usim.edu.my; marwanismail@usim.edu.my

1 Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Simpang 347, Jalan Pasar Gadong, Bandar Seri Begawan, BRUNEI.  
E-mail: zulamali.hjmatassan @unissa.edu.bn

\* Corresponding Author: nurhasma@usim.edu.my

#### Abstrak

Sirah Nabi Muhammad SAW adalah rakaman keseluruhan perjalanan dan jejak-jejak kehidupan baginda SAW secara terperinci. Manakala menghayati sirah Nabi umpama menyelusuri dan menguraikan perjalanan hidup baginda yang penuh warna sejak dari lahirnya hingga wafat baginda. Perjalanan kehidupan baginda yang penuh dengan makna tersirat dan kaya dengan nuansa. Keunggulan kisah perjalanan hidup yang amat menarik, sentiasa mendapat tempat dan perhatian serta memberi inspirasi kepada karyawan dalam menghasilkan pelbagai penulisan terutamanya penulisan karya sastera. Intisari kisah perjalanan hidup dan keperibadian Nabi SAW dibicara dan dikupas dengan meluas dalam pelbagai genre sastera sama ada puisi dan prosa. Pembacaan karya sastera boleh membangunkan diri insan, sama ada jiwa dan pemikirannya. Justeru itu, artikel ini bertujuan mengenal pasti adaptasi sirah Nabi Muhammad SAW yang dieksplorasi oleh penulis dalam novelnya yang berjudul DIA . Kajian ini adalah kajian deskriptif kualitatif yang menggunakan metode analisis struktural, iaitu dengan menganalisis aspek-aspek pembinaan dan struktur karya sastera dalam novel DIA yang diadaptasi dari sirah Nabi SAW melalui penelitian unsur-unsur estetika, artistik dan keunikan sastera yang terdapat di dalamnya seperti tema, judul, plot, watak dan perwatakan, teknik penceritaan dan latar. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa Mohd Labib Ahmad berjaya menyampaikan sirah Nabi Junjungan Muhammad SAW dalam bentuk karya kreatif yang berkesan dan penghayatan yang mendalam untuk tatapan pembaca dan pencinta Rasulullah.

**Kata kunci:** sastera Islam, novel Melayu, Dia, Nabi Muhammad, analisis struktur.

#### Abstract

The sirah of Prophet Muhammad SAW is a detailed recording of the entire journey and footprint of the life of Prophet SAW. While understanding and appreciating the story of the Prophet is like tracing and describing the journey of his life which is very colorful along his birth till his death. Furthermore, the journey of his life story has implicit meaning and rich in nuances. The excellence of his journey is very interesting, it takes place, attention and it inspires writers or novelist in producing various writings, especially the writing of literary works. In addition, his journey in his life story and his personality are being discussed extensively in various literary genres whether it's poetry and prose. The understanding of literary content can develop the human self, both soul and mind. Therefore, this article aims to identify the adaptation of the story of the Prophet Muhammad SAW that was exploited by the author in his novel entitled DIA. This study is a qualitative descriptive study that implements method of structural analysis by analyzing the construction and structure of literary works in the novel DIA which is adapted from the story of the Prophet SAW through the rigorous study of aesthetic, artistic and unique literary elements such as themes, titles, plots, characters with its

personas, storytelling techniques as well as the setting and so on. The findings of this study shows that Mohd Labib Ahmad successfully conveyed the sirah of the Prophet Muhammad SAW in the form of effective creative work and deep appreciation for the eyes of readers and lovers of the Prophet.

**Keywords:** Islamic literature, Malay novel, Dia, Prophet Muhammad, structure analysis

**Cite This Article:**

Nurhasma Muhamad Saad, Yuslina Mohamed, Wan Moharani Mohammad, Muhammad Marwan Ismail & Zulamali @ Abdul Aziz Matassan. 2022. Sirah Nabi Muhammad SAW dalam novel 'Dia': Karya Mohd Labib Ahmad [The story of Prophet Muhammad PBUH in novel 'Dia' authored by Mohd Labib Ahmad]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(2): 23-50.

## Pengenalan

Nabi Muhammad SAW merupakan peribadi terpenting yang bertanggungjawab dalam menyampaikan ajaran agama Islam. Baginda bukan sahaja Nabi bagi umat akhir zaman tetapi juga sebagai penghulu para nabi. Oleh sebab kedudukan Baginda yang tinggi itu, sudah pasti peribadi Nabi menjadi tumpuan utama dalam pengajian agama Islam. Dapat disimpulkan bahawa pada permulaan pengislaman masyarakat Melayu, cerita-cerita tentang Nabi Muhammad SAW tersebar luas melalui lisan. Cerita-cerita tersebut dimanfaatkan oleh para dai dan pendakwah untuk memperkenalkan perkara-perkara prinsip dalam Islam. Tidak syak lagi kisah hidup yang penting dalam kehidupan Rasulullah SAW mendapat tarikan daripada khalayak. Bukti daripada kemasyhuran cerita-cerita Nabi ini masih diwarisi sehingga dewasa ini dalam bentuk perayaan-perayaan agama seperti *Maulid al-Nabi* bagi memperingati kelahiran Rasulullah SAW, *Israk wa Mikraj* tentang naiknya Rasulullah SAW ke langit, dan *Awal Muharram* bagi memperingati perhijrahan Nabi Muhammad SAW dari Mekah ke Madinah (Ali & Siti Hajar, 1996).

Dengan tersebar luasnya ajaran Islam, maka kitab-kitab diperlukan untuk dibaca kepada khalayak sama ada di masjid-masjid, madrasah atau surau, dan di rumah-rumah. Kelahiran karya-karya tentang Rasulullah SAW seperti Hikayat Nabi Muhammad, Hikayat Peri Menyatakan Mukjizat Nabi, Hikayat Nabi Wafat, dan hikayat-hikayat lain sepertinya dianggap sebagai memenuhi keperluan pengajaran dan penyebaran ini. Hikayat-hikayat ini tidak sukar untuk dilahirkan kerana wujud karya-karya yang meriwayatkan perihal hidup Rasulullah SAW yang ditulis oleh pengarang Arab, Parsi dan Turki. Antara hasil karya ini, hasil tulisan pengarang Parsi lebih luas tersebar di Kepulauan Melayu dan daripada tulisan-tulisan inilah lahirnya hikayat-hikayat tentang Nabi Muhammad SAW yakni hasil daripada terjemahan dan adaptasi (Ali & Siti Hajar, 1996).

Gaya penulisan hikayat-hikayat ini dipengaruhi oleh bahasa Arab. Penulis atau penterjemah sering meminjam dan menggunakan kata-kata dan ungkapan dalam bahasa Arab. Di samping itu terdapat banyak unsur fiksyen yang dipengaruhi oleh cerita-cerita lisan dan kepercayaan golongan Syiah. Sebahagian besar hikayat ini, seperti juga hikayat-hikayat lain, mengemukakan peristiwa-peristiwa yang aneh dan menggunakan unsur mukjizat yang sukar dikaitkan dengan sirah dan hadis. Untuk itu, perlulah kita memahami cerita-cerita sedemikian dari sudut keseluruhan tujuan dan maknanya. Hikayat-hikayat seumpama ini mempunyai tujuan untuk menanamkan rasa hormat ke atas Nabi Muhammad SAW. Selain itu disebabkan dekatnya baginda di sisi Allah SWT dan secara langsung baginda ditaati (Ali & Siti Hajar, 1996).

Salah satu daripada karya prosa Melayu yang menceritakan tentang sirah Rasulullah SAW ialah novel *Dia*. Perkembangan pemikiran orang Melayu di Nusantara bukanlah terhenti setakat apa yang disebutkan dalam rencana-rencana yang lalu. Pemikiran itu berkembang hingga zaman kita sekarang dalam pelbagai genre sastera. Selain pembukuan kitab-kitab dan buku-buku yang menjelaskan pengajaran Islam secara terang seperti tafsir, buku-buku akhlak, sejarah perkembangan umat Islam dan perjuangan mereka, serta terdapat juga karya-karya kreatif yang tinggi nilainya. Novel *Dia* yang ditulis oleh Mohd. Labib Ahmad telah menceritakan kisah-kisah Nabi Muhammad SAW dan perjuangan umat Islam seluruhnya pada waktu itu, mempunyai nilai yang variasi. Novel ini dicipta begitu rupa dengan menggunakan bahasa yang jelas dan kreatif. *Dia* bukan sahaja karya yang menjelaskan kemampuan seorang penulis Islam akan tetapi juga penulis kesusasteraan Islam yang tulen dan tidak dapat kita nafikan kehadirannya (S. Othman Kelantan, 1987).

## Literatur Kajian

Novel *Dia* merupakan sebuah karya yang dihasilkan pada awal dekad 1970-an, iaitu secara tepatnya pada tahun 1973. Dekad ini dianggap sebagai era kesedaran ke arah kecenderungan menghasilkan karya Islam dalam genre novel (Norazmi, 1991). Pengarang novel ini ialah Mohd Labib Ahmad. Menurut pengkritik sastera S. Othman Kelantan (1987), novel setebal 245 halaman ini merupakan sebuah karya sastera Islam yang tepat. Dia mengisahkan kehidupan Nabi Muhammad SAW di dalam situasi yang selaras dengan kebenaran sejarah Islam. Di dalam novel ini terpahat kenangan sejarah hidup Nabi Muhammad SAW dengan segala pahit getirnya dalam menegakkan agama Islam. Secara total novel *Dia* adalah karya sastera Islam yang amat tepat.

Novel ini merupakan saduran atau adaptasi daripada karya seorang sasterawan Arab Mesir yang terkenal iaitu Abdul Rahman al-Sharqawi berjudul *Muhammad Rasul al-Hurriah*. Ia lebih merupakan sebuah roman/novel sejarah yang mengisahkan riwayat hidup Rasulullah SAW dalam bentuk cerita yang menggunakan fakta-fakta sejarah yang sedia ada di samping bersandarkan kepada al-Quran, hadis-hadis yang sahih, buku-buku tafsir seperti *tafsir al-Tabari*, *tafsir al-Baidawi*, buku-buku sejarah Islam yang ditulis oleh pakar sejarah seperti *Tarikh al-Rasul wa al-Anbiya* oleh al-Tabari, *Tarikh al-Islam* oleh Hassan Ibrahim dan *al-Tarikh al-Islami wa al-Hadarah al-Islamiah* oleh Ahmad al-Shalabi. Riwayat keturunan Nabi Muhammad dan sejarah hidup baginda digambarkan dengan menarik dalam novel *Dia* (Abdul Razak, 2011, Norazmi, 1991)

Menurut Muhd. Labib (1973) “karya ini merupakan percubaan menyusun riwayat hidup Rasulullah SAW dalam bentuk cerita bergantung kepada fakta-fakta sejarah yang diakui. Penyusunan ini didasarkan kepada buku Abdul Rahman al-Sharqawi, seorang sasterawan Mesir yang terkenal, di samping bersandarkan kepada sumber-sumber lain terutama al-Quran, hadith-hadith yang sah, buku-buku *tafsir al-Tabari* dan *al-Baidhawi*, buku-buku sejarah Islam yang ditulis oleh ahli-ahli sejarah lama seperti buku “*Tarikh al-Rusul wal Anbia*” oleh al-Tabari, dan ditulis oleh tokoh-tokoh sejarah Islam di zaman belakangan seperti buku “*Tarikh al-Islam*” oleh Dr. Hasan Ibrahim dan buku “*al-Tarikh al-Islam Wa al-Hadharat al-Islamiyyah*” oleh Dr. Ahmad Syalabi”.

Dalam novel *Dia* digambarkan peranan sastera terutamanya syair sebagai wadah untuk berdakwah. Nabi Muhammad sendiri dikatakan mempunyai seorang penyair iaitu Hassan bin Thabit. Hassan bin Thabit telah dilantik oleh Nabi Muhammad sebagai penyair peribadi baginda. Hal ini sejajar dengan petikan berikut:

Seperti yang berlaku di Makkah dahulu, di Madinah ini pun para penyair menjadi sasaran yang pertama. Ini kerana para penyair dari seluruh Semenanjung Arab telah mula tertarik dengan pasar baru itu. Pengaruh penyair memang besar dan andainya ia memeluk agama Islam dan mula memuji-muji dan menyanjungnya dengan kata-kata yang indah dan melodis, ajaran Islam pasti kan tersebar dengan mudah di merata tempat. Muhammad juga menyedari perkara ini, kerana itu dia sendiri mempunyai seorang penyair bernama Hassan bin Thabit (*Dia*, hlm 111-112)

Di dalam pertemuan itu mereka mencabar untuk beradu lisan dengan pebganut-penganut veteran Islam. Muhammad menerima cabaran itu. Seorang ahli pidato Tamim pun bangun menunjukkan kepintarannya. Sesudah selesai ia berpidato, Muhammad lalu mengarahkan seorang sahabatnya berpidato bagi menandingi ahli pidato Bani Tamim itu, dan terbukti ianya lebih cekap dan lebih pintar. Kemudian bangun pula seorang penyair Tamim yang handal. Sesudah selesai mengalunkan rangkapnya yang terakhir, Muhammad meminta Hassan bin Thabit supaya menandinginya. Dan Hassan ternyata lebih cekap dan lebih bijak. Akhirnya rombongan Tamim itu mengaku kalah dan merayu agar Muhammad mengampunkan pahlawan-pahlawan mereka yang telah ditawan serta berjanji akan mengeluarkan zakat (*Dia*, hlm 232)

Hassanlah yang memulakan puisi memuji Rasulullah SAW. Beliau juga menggubah puisi bagi menangkis sindiran penyair musyrikin dan menerangkan Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Malah dikisahkan pada suatu ketika penyair daripada suku Tamim mencabar Nabi Muhammad berlawan syair. Baginda meminta Hassan menandinginya dan ternyata Hassan lebih cekap dan lebih bijak (Mohd Labib, 1973). Misalnya dengan petikan berikut:

Sementara itu kaum Yahudi dan Abdullah bin Ubai serta kuncu-kuncunya telah menyebarkan di kalangan penduduk Madinah dua buah sajak ciptaan Malik bin Zuhair dan seorang penyair wanita Yahudi yang mengecam Muhammad dan kaum Muslimin. Namun, kecaman-kecaman itu telah dijawab oleh Hassan bin Thabit dengan lebih pedas dan pahit (*Dia*, hlm 113)

Penulis menggunakan imaginasi untuk mengungkap dialog-dialog yang menarik dan berkesan bagi menghayati perjuangan Islam dalam novel ini. Urutan peristiwanya juga dapat dijalin dengan baik sehingga novel ini dianggap lebih merupakan buku sejarah daripada sastera. Novel ini rasanya lebih mendekati sebuah roman sejarah (Norazmi, 1991)

Sungguhpun penulisan mengenai Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW telah banyak dinukilkan dan diterbitkan, namun keunikan gaya penulisan hasil sentuhan pena Mohd. Labib

Ahmad – bekas pengarang majalah Pengasuh ini memiliki gaya penulisan agak berbeza daripada gaya penulisan buku-buku sejarah yang lain kerana ia lebih berbentuk novel yang tidak jelak untuk dibaca dan dihayati. Pengolahan bahasanya yang berbentuk “penceritaan” dari bab pertama hingga ke bab kesepuluh tanpa meminggirkan fakta-fakta sejarah memberi keseronokan kepada pembaca untuk meneruskan bacaan tanpa henti (Abdul Razak, 2011)

## Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian deskriptif kualitatif yang menggunakan metode analisis struktural, iaitu dengan menganalisis aspek-aspek pembinaan dan struktur karya sastera dalam novel *Dia* melalui kaedah induktif. Penulis novel ini telah mengadaptasi penyampaian kandungan penulisannya dari sirah Nabi SAW yang terdapat dalam novel Arab yang berjudul “Muhammad Rasul al-Hurriah” yang dikarang oleh Abdul Rahman al-Sharqawi. Adaptasi tersebut telah disampaikan dalam bahasa Melayu dengan memelihara secara teliti semua unsur-unsur estetika, artistik dan keunikan sastera yang terdapat di dalamnya seperti tema, judul, plot, watak dan perwatakan, teknik penceritaan dan latar.

Terdapat dua konsep penganalisaan secara struktural yang akan dilaksanakan dalam kajian ini, iaitu:

1. Memahami perhubungan elemen dalam novel *Dia*. Perhubungan elemen ini akan dapat dikesan apabila analisis struktur dilakukan terhadap kandungan sirah Nabi dalam novel *Dia*.
2. Novel sastera adalah satu penulisan yang berseni. Ia bebas tanpa ada perhubungan dengan pembaca. Falsafah di sebalik pendapat ini ialah sesuatu itu wujud bebas bersendirian. Sifatnya boleh ditemui melalui analisis secara rasional. Manusia itu pula adalah makhluk yang aktif.

Gambar rajah di bawah menunjukkan bagaimana proses analisis struktur dilaksanakan dalam kajian ini:



Gambar rajah 1: Proses analisis struktur sirah Nabi SAW

Gambar rajah di atas menerangkan bagaimana proses analisis struktural sirah Nabi SAW yang diadaptasi dalam novel *Dia* dilaksanakan dalam kajian ini. Keterangan proses adalah seperti berikut:

Pertama: Mengenal pasti kandungan sirah Nabi SAW yang diadaptasi dalam novel dari unsur-unsur berikut:

1. Estetika
2. Artistik
3. Retorik

Kedua: Mengkategorikan unsur berdasarkan elemen-elemen berikut:

1. tema
2. Judul
3. persoalan
4. latar
5. plot
6. sudut pandangan
7. watak perwatakan
8. teknik penceritaan
9. gaya bahasa
10. simbol / lambang
11. bentuk

Ketiga: Mencari perkaitan antara elemen-elemen struktur yang keluarkan dari novel dengan fungsinya agar dapat lihat dengan jelas buah fikiran pengarang, renungan ke dalam diri, imaginasi, emosi, penerapan pengetahuan, manipulasi dan pengalaman kerohanian. Perhubungan antara elemen dipertontonkan secara langsung dalam novel *Dia* yang menunjukkan bagaimana unsur-unsur ini bekerjasama dan akhirnya terhasil karya yang padu dan hebat.

## **Perbincangan dan Analisis Novel ‘*Dia*’**

Karya sastera merupakan coretan seni untuk menampilkan keindahan dalam penggunaan bahasa yang menarik, bervariasi, dan penuh imaginasi. Sesuatu karya sastera terbina dari unsur-unsur asas yang pelbagai seperti: estetika, artistik dan retorik. Kesemua unsur-unsur ini akan disenergi bersama bayangan, imbasan, imaginasi, perasaan yang dibentuk dalam elemen-elemen berikut seperti: tema, Judul, persoalan, latar, plot, sudut pandangan, watak perwatakan, teknik penceritaan, gaya bahasa, simbol/lambang dan bentuk (Elisabet Saina, Syamsiyah, & Riko. 2020, Nurain & Sim, 2019).

Kajian ini akan menganalisis semua elemen-elemen yang digunakan sebagai medium adaptasi sirah Nabi SAW yang terdapat dalam novel *Dia* dan membincangkan elemen-elemen

ini secara ekspresif dan melihat korelasi antara elemen dan unsur yang diadaptasi oleh penulis dalam persembahan teks karya sasteranya.

## Tema

Tema boleh diertikan sebagai persoalan utama dalam sebuah karya kesusastraan. Dari tema ini timbul motif, perutusan dan persoalan-persoalan lain. Tema merupakan persoalan utama iaitu *central idea* sama ada diucapkan secara langsung atau tidak langsung (Cuddon, 1977). Tema juga adalah konsep yang abstrak yang dilahirkan melalui watak, aksi dan imej di dalam sebuah karya kesusastraan (Thrall & Holman, 1960).

Tema itu ialah persoalan dan idea utama yang telah dipilih dengan teliti oleh pengarang untuk diterapkan dalam karyanya. M. Saleh Saad dalam Lukman Ali (1967) menyebut bahawa “Tema adalah sesuatu yang menjadi fikiran, sesuatu yang menjadi persoalan bagi pengarang. Di dalamnya terbayang pandangan hidup atau cita-cita pengarang yakni bagaimana ia melihat persoalan itu. Persoalan inilah yang dihidangkan pengarang. Kadang-kadang atau sering juga dengan pemecahannya sekali gus. Pemecahan inilah yang diistilahkan dengan amanat. Jadi, sesungguhnya ada sesuatu yang hendak dikatakan pengarang, baik positif ataupun negatif, bukan hanya sebimentalitas belaka”.

Penerapan dan penampilan tema dalam sebuah karya akan menentukan tarikan atau mendorong pembaca untuk menikmatinya dengan penuh perhatian. Pengemukaan tema baru yang mungkin belum ada dalam karya-karya sebelumnya, akan mendorong pembaca dan malah penilai untuk menikmatinya dan mengkajinya sebagai sesuatu yang menarik dan menyimpang dari kebiasaan. Bagi pengarang yang luas visinya akan menerapkan tema-tema baru itu dengan cara yang menarik serta memberi penekanan yang mendalam, akan menarik perhatian pembaca dan penilai.

Dengan demikian, nyata bahawa idea yang menjadi tema itu bergantung kepada renungan yang kreatif dari pengarang. Pengarang yang kritis dan kreatif akan sentiasa mencari dan menemui tema-tema baru untuk dikemukakan di dalam karyanya. Ini kerana tema yang menarik itu bukan saja mendorong pembaca dan pengkaji, tetapi juga memperlihatkan kekayaan bahan dan pemikiran yang kompleks. Ia juga menunjukkan adanya idea dan keupayaan pengarang yang kompleks dalam menumpahkan keintelektualannya. Dari pemilihan tema yang besar, baru dan menarik itu akan menentukan juga keberhasilan karya-karya itu di dalam mengolah unsur-unsur lain.

Novel *Dia* memperlihatkan tema keislaman dan mengungkap tema dakwah. Tema dakwah lebih berkesan dimasukkan dalam novel kerana ia agak panjang dan terdapat ruang yang banyak untuk meyakinkan pembaca tentang kebenaran Islam sebagai agama untuk semua umat di muka bumi ini. Novel *Dia* memperlihatkan usaha pengarangnya mengajak mereka yang beragama selain daripada Islam supaya memeluk agama Islam dan mengikut jalan Islam. Kaedah menjadi pemeluk agama Islam itu mungkin dengan cara perkahwinan tetapi yang penting sekali bagi penulis ialah dengan cara kesedaran dan keinsafan yang sebenar-benarnya (Norazmi, 1991)

Novel ini juga sangat menekankan tema keadilan sosial dan pembelaan kepada golongan lemah dan tertindas dalam masyarakat Arab pada waktu itu. Malah, justeru pada titik

inilah, menurut penulisnya (Mohd Labib), terletak faktor kenapa Islam itu pada peringkat awalnya sangat mendapat tempat dalam kalangan masyarakat bawahan dan golongan hamba abdi. Peristiwa-peristiwa seputar kehidupan Bilal bin Rabah, Yasir dan isterinya Sumaiyyah, juga Wahsyi, ditampilkan secara berganti-ganti bagi maksud memperlihatkan minat dan dukungan golongan tertindas ini terhadap Islam (Abdul Razak, 2011)

Hal lain juga tampak mengemukakan dalam novel ini ialah lukisan kesenjangan sosial di antara golongan berada dengan golongan tidak berada yang sangat ketara dalam masyarakat jahiliah saat itu, juga gambaran kebobrokan masyarakat dalam bentuk salah guna kuasa, gaya hidup mewah dan hedonistik, praktik persundulan dan perselingkuhan yang berleluasa serta pelbagai gejala buruk yang lain. Jadi lewat novel ini, penulis mempromosikan bahawa melalui Islam yang dibawa oleh Muhammad SAW, sebuah masyarakat yang adil, sejahtera dan demokratis dapat ditegakkan sesuai dengan ayat al-Quran yang menyatakan bahawa “tidak Kami utuskan engkau, wahai Muhammad, kecuali sebagai rahmat kepada seluruh alam” (Abdul Razak, 2011).

## Plot

Plot merujuk kepada jalan cerita atau susunan peristiwa dalam sesebuah karya mengikut hukum sebab dan akibat. Plot biasanya ditemui dalam karya sastera seperti novel, drama dan susunan. Susunan episod dalam plot tidak semestinya mengikut urutan yang bersifat kronologi. Struktur plot yang konvensional mengandungi eksposisi, komplikasi dan revolusi (Kamus kesusastraan, 2015). Plot bermakna sesebuah struktur rangkaian kejadian-kejadian dalam sebuah cerita yang disusun secara berkronologi. Plot mengatur bagaimana peristiwa-peristiwa yang terdapat dalam cerita itu harus berkait rapat dengan satu sama lain.

Plot atau struktur cerita amat penting kerana pemilihan serta persesembahannya meninggalkan beberapa kesan kepada pembaca. Hal yang sama juga memberikan gambaran tahap kreativiti pengarang, tahap pemilihan serta penguasaan bahan penulisan novelnya. Pemilihan wacana cerita oleh setiap pengarang mempengaruhi resepsi khalayak pembacanya. Dia adalah novel wacana agama yang menghidangkan juadah baru kepada kelompok penggemarnya.

Setiap cerita ada permulaan dan akhirannya. Di antara permulaan dan akhiran itu terdapat peristiwa-peristiwa yang saling jerait –menjerait berdasarkan pada hukum sebab akibat yang munasabah, dan inilah yang dikatakan plot. Justeru, struktur penjalinan plot itu bertunjang pada hukum sebab akibat, maka plot tidak hanya mengemukakan peristiwa yang berlaku, malah yang lebih penting lagi ialah menerangkan mengapa sesuatu peristiwa itu boleh berlaku. Wujudnya jalinan peristiwa yang saling jerait-menjerait itu lazimnya digerakkan oleh watak-watak, bertolak dari satu peristiwa yang kemudiannya mempunyai hubungan yang logis lalu berkembang menjurus menemukan suatu peleraian pada bahagian akhir cerita.

Novel *Dia* dimulakan dengan suasana puncak ceritanya, iaitu dengan mengemukakan monolog dalaman watak Abdullah dalam menghadapi detik-detik menjadi korban berhalaberalaha.

Abdullah terasa seolah-olah dilahirkan semula penuh dengan tenaga, keinginan, impian dan harapan untuk membebaskan diri!

Peristiwa yang baru dialami memang tidak dapat dielakkan oleh mana-mana penduduk kota Makkah. Kerana nasib setiap orang di sana terletak di tangan berhala Manat yang tuli dan tidak berhati perut, dan di tangan rakan-rakannya berhala Habal, Lat dan ‘Uzza. Siapakah yang berani menentang kemahuan berhala-berhala pengawal Ka’bah sejak turun temurun yang dipuja dan disanjung oleh seluruh kaum Quraisy? (Dia, hlm 1)

Mohd Labib mengakhiri novel ini dengan begini: Ya, Muhammad telah meninggal dunia dan dia sering menyebut-nyebut, “Sesungguhnya aku adalah manusia seperti kamu juga, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu ialah Tuhan yang Esa”. Tetapi ajaran-ajaran yang dibawanya tidak pernah mati dan akan tetap tinggal kekal untuk menjadi pedoman hidup seluruh umat manusia buat selama-lama (Dia, hlm 245)

Penamat cerita adalah lebih realistik dan berhasil menggambarkan suasana peristiwa kewafatan Nabi SAW. Pengakhirannya dapat menimbulkan rasa simpati dan sedih di hati pembaca.

Novel *Dia* tidak ditulis dalam bentuk sejarahnya yang melulu, tetapi dalam gaya sebuah roman yang menarik dan mengesankan, lengkap dengan plot dan alur cerita sehingga mampu mengungah perasaan ingin tahu para pembaca untuk membacanya sampai tuntas. Plot novel *Dia* disajikan secara berkronologi dalam bentuk deskriptif sejarah kerana ia berpandukan sirah hidup dan perjuangan Nabi SAW yang benar. Urutan peristiwanya juga dapat dijalin dengan baik sehingga novel ini dianggap lebih merupakan buku sejarah daripada sastera. Novel ini rasanya lebih mendekati sebuah roman sejarah (Norazmi, 1991).

## **Watak dan Perwatakan**

Watak adalah manusia tertentu yang dipilih oleh pengarang, dan perwatakan adalah sifat watak-watak itu sendiri. Jadi, watak dan perwatakan dikatakan sebagai penggambaran menyeluruh manusia tertentu dan harus disorot aspek kehidupan lahiriah dan batiniah. Aspek-aspek itu merangkumi perlakuan watak-watak dengan caranya bertindak, pemikiran, emosi, aspirasi, pergolakan jiwa dan pengucapan. Watak-watak juga, dengan suasana dan peristiwa tertentu, bertindak memperkembangkan cerita, membentuk konflik sehingga membawa kepada peleraian (Othman, 1983)

Oleh kerana gaya tulis novel *Dia* yang berbentuk deskriptif sejarah, maka nama-nama tokoh yang biasa ditemui dalam bentuk fakta yang kaku dan kering, seperti Khadijah, Abu Lahab, Abu Talib, Abu Bakar, Abu Jahal, Abu Suffian, Umar bin al-Khattab, Uthman bin Affan, Abdullah bin Ubay, Khalid bin al-Walid dan lain-lain, dalam novel ini berubah menjadi watak-watak yang hidup dan bergerak memainkan peranannya masing-masing, tak ubah layaknya seperti watak-watak dalam novel-novel yang pernah dibaca dalam karya-karya para sasterawan terkenal (Abdul Razak, 2011). Dalam novel ini, pembaca dibawa mengenali watak-watak ini dari dekat:

Abu Talib yang penyayang:

Pada suatu hari apabila mendapat tahu bapa saudaranya akan pergi ke negeri Syam pada musim panas tahun itu, Muhammad menyatakan keinginannya untuk ikut sama. Permintaannya ditolak kerana dia masih kecil. Tetapi Muhammad terus merayu dengan alas an akan merasa keseorangan apabila ditinggalkan bapa saudaranya kelak. Alasan itu berjaya melembutkan hati Abu Talib yang lantas berjanji akan membawanya! (Dia, hlm 10)

Mendengar kata-kata ini, Abu Talib berasa marah dan terus menjawab dengan suara yang keras, “Sungguh celaka cadangan kamu itu. Adakah termasuk di akal kamu memberiku anak kamu supaya aku memeliharanya dengan sempurna dan di sebaliknya aku menyerahkan kepada kamu anakku supaya kamu membunuhnya? Demi Allah, ini mustahil sama sekali” (Dia, hlm 49)

Khadijah yang jadi pelindung:

Setahun demi setahun kedudukan Khadijah kian teguh di hati Muhammad. Isterinya yang baik itu ikut sama menentang kepalsuan dan kecurangan, ikut sama mencari keuntungan dengan jalan halal. Kalau pembesar-pembesar Quraisy tidak menghargai kebijaksanaan dan penat lelah manusia, Khadijah sebaliknya telah memberikan sepenuh perhatian terhadap kebijaksanaan dan tenaga Muhmamad (Dia, hlm 34)

Abu Lahab dan isterinya Ummu Jamil yang jadi penarung dan batu api:

Ummu Jamil sentiasa memerintahkan hamba-hambanya supaya menyakiti Muhammad. Sedangkan golongan hamba abdi itulah yang diperjuangkan oleh Muhammad agar menikmati kehidupan yang berperikemanusiaan. Sikap Abu Lahab dan isterinya mendapat sokongan pemimpin-pemimpin Quraisy yang lain (Dia, hlm 48)

Sekarang ini nasibnya dan nasib ajarannya sedang diancam musuh yang paling kejam, iaitu Abu Lahab, bapa saudaranya yang telah mengambil alih tempat Abu Talib selaku ketua kaum Bani Hasyim. Abu Lahab pasti akan menyingkirkan seperti yang pernah dilakukan oleh ketua-ketua kaum terhadap orang-orangnya yang dituduh gila dan jahat, kerana Abu Lahab bukanlah seperti Abu Talib yang lebih sanggup berlapar daripada menyerahkan anak saudaranya kepada kebuasan kaum Quraisy (Dia, hlm 86)

Abu Suffian (hartawan dan pemimpin Quraisy):

Muhammad mendapat tahu bahawa satu rombongan perdagangan yang besar dengan dipimpin oleh Abu Sufian sedang dalam perjalanan pulang dari negeri Syam. Sewaktu berangkat pergi dahulu, perbelanjaan melengkapi rombongan

itu menelan belanja sebanyak 50 ribu dinar, dengan 80% darinya dikeluarkan oleh Abu Sufian sendiri (Dia, hlm 122).

Hindun yang pendendam (isteri Abu Suffian):

Tetapi Hindun yang telah terselamat itu terus menghimpunkan semua wanita-wanita Quraisy yang menyertai bala tentera itu serta menyuruh mereka mengejar pejuang-pejuang Quraisy yang lari dan menuduh mereka pengecut. Sementara itu dia pergi pula mencari Wahsyi, hamba Habsyi yang sedang bersembunyi di balik pokok dengan tombaknya, untuk ditunjukkan tempat Hamzah sedang bertempur. Pada ketika itu kaum Muslimin masih terus maju dan menyerbu sebelum akhirnya Berjaya mengepung dan menawan Hindun serta wanita-wanita Quraisy yang lain (Dia, hlm 155)

Barisan tentera Islam menjadi kelam - kabut. Hamzah, Abu Dajanah, Ali, Umar, Sa'ad dan Zubair memperlihatkan semula kegagahan dan keperwiraan masing-masing untuk memecahkan kepungan itu. Pahlawan demi pahlawan Quraisy tumbang di tangan Hamzah yang semakin hamper ke sepohon pokok di mana Wahsyi sedang bersembunyi. Wahsyi mengacukan tombaknya dari balik pokok itu ke arah pahlawan Islam yang sedang galak berjuang, kemudian melemparkannya dengan lembing, tepat mengenai dada Hamzah dan terus tembus ke belakang. Hamzah rebah menjadi syahid! Wahsyi datang menghampirinya dan mencabut tombaknya itu, kemudian membersihkan matanya dengan begitu tenang dan bersahaja. Hindun yang telah terlepas dari tahanan kaum Muslimin yang sedang terdesak itu, dengan segera menerpa mayat Hamzah dan menghirup darahnya yang masih lagi mengalir. Kemudian dia menari-nari di atas mayat itu seperti seorang gila! Abu Sufian menghampiri mayat Hamzah dan memandangnya dengan penuh penghinaan. Baru sebentar tadi Hamzah merupakan seorang pahlawan yang sangat gagah dan amat ditakuti, namun sekarang sudah terbaring kaku berlumuran debu dan darah.

Tiba-tiba Lembah Uhud bergema dengan suara jeritan Abu Sufian, "Hamzah sudah mati! Hamzah sudah mati!" Sementara isterinya, Hindun, dengan mulutnya yang berlumur darah masih terus menari-nari kegembiraan sambil mengulang kata-kata suaminya itu (Dia, hlm 157)

Umar bin al-Khattab yang kerap tegar dan panas baran sekaligus pintar dan bijaksana:

Di Makkah, tiada siapa yang dapat menghalang Umar bin al\_Khattab daripada bertindak ganas dan kejam. Dia tidak dapat dipesona oleh kenyitan mata gadis-gadis pelayan di kedai-kedai arak, dan tidak tertarik kepada bunyi-bunyaian gendang di gedung-gedung hiburan (Dia, hlm 57)

Abdullah bin Ubay pengkhianat:

Sikap Bani Qainuqa' ini telah memaksa Muhammad mengarahkan kaum Ansar supaya mengepung benteng kaum Yahudi itu. Tetapi Abdullah bin Ubai menghasut kaum Khazraj supaya jangan menjalankan arahan berkenaan dengan alasan suku Khazraj dan Bani Qainuqa' pernah berpaktat dan bekerjasama sebelum ketibaan kaum Muhammad dahulu....

Abdullah bin Ubai terpaksa mengubah sikapnya setelah gagal mengadu domba kaum Muslimin. Sementara itu pengepungan yang dikenakan ke atas kaum Yahudi Bani Qainuqa' semakin ketat, menyebabkan mereka, dari hari ke hari, menyedari akan kedudukan mereka yang semakin sulit (Dia, hlm 146)

Uthman bin Affan yang kaya raya tapi pemurah:

Berdasarkan kepada kesedaran ini, Abu Bakar lalu menemui temannya yang bernama Othman bin 'Affan, seorang hartawan besar yang sangat disegani di kalangan kaum Quraisy. Othman mendengar dengan tekun dan penuh minat cerita Abu Bakar mengenai Muhammad yang bergelar "al-Amin" (Yang Jujur), dan yang diketahuinya tidak pernah melakukan sebarang perkara yang biadab (Dia, hlm 41)

Apa guna harta kekayaan kalau tidak dapat berbuat sesuatu bagi menyelamatkan orang-orang yang diseksa?

Beberapa orang kaya Islam seperti Abu Bakar dan Othman bin 'Affan mula berusaha menyelamatkan hamba abdi yang diseksa oleh pemilik masing-masing (Dia, hlm 53)

Khalid bin al-Walid yang pemberani dan ramai lagi yang lain. Semuanya adalah watak-watak yang hidup dan bergerak, berlaku dan berbuat, mengikut gilirannya masing-masing, sesuai dengan urutan peristiwa dan episod sejarah yang muncul dan melatarbelakanginya (Abdul Razak, 2011).

## Judul

Penamaan judul atau tajuk memainkan peranan penting dalam penciptaan sesebuah karya sastera kerana biasanya tajuk mencerminkan isi kandungan atau mesej sesebuah novel. Kadangkala daripada tajuk sesebuah novel itu dapat ditebak atau dijangka mesej sebenar yang ingin disampaikan oleh seseorang pengarang (Talib, 2006)

Mohd Labib memanfaatkan pemilihan judul atau nama sesebuah novel yang sesuai, jitu, tepat dan berupaya menawan hati pembaca atau khlayak. Penamaan sesuatu judul novel dengan tajuk yang kemas, jitu dan tepat sememangnya penting dikuasai oleh seseorang pengarang novel. Seperti yang tertera pada judul novel *Dia Peri Hidup Muhammad SAW*, novel ini adalah mengenai sejarah dan perjuangan Nabi Muhammad SAW dalam upayanya

menyebarluaskan dakwah Islamiyyah, tahap demi tahap, dalam tempoh lebih kurang 23 tahun di Makkah dan Madinah (Abdul Razak, 2011).

Sekiranya diteliti tajuk novel Mohd Labib menggunakan judul yang sederhana panjang dengan empat perkataan sahaja. Tajuk ini tetap terasa kepuitisannya yang menunjukkan Mohd Labib cukup menjaga keberkesanannya judul novelnya dalam menyampaikan mesej awal kepada pembaca novelnya. Ketelitian Mohd Labib menajuk atau memberi tajuk mahupun judul novelnya merupakan seni kepenggarangan yang tersendiri dan berwawasan jauh untuk memastikan novelnya sentiasa dibaca orang dan masyarakat sastera yang menggunakan novelnya sebagai bahan bacaan dan sumber ilmu pengetahuan khususnya sejarah Islam, kemanusiaan dan agama.

## Teknik Penulisan

Teknik penulisan amat penting kepada seseorang pengarang untuk menulis karya kerana dengan menguasai teknik seseorang pengarang dapat menyampaikan sesuatu perutusan atau motif dengan lebih halus dan berkesan. Walaupun kejayaan sesebuah karya bukan semata-mata bergantung kepada teknik penyampaian, akan tetapi dengan mengetahui teknik bererti seseorang pengarang itu dapat menentukan dengan berkesan dan munasabah bagaimana hendak mengatur dialog, mendeskripsi, monolog dalaman, arus kesedaran, imbas kembali, imbas muka dan sebagainya (S. Othman Kelantan, 1996).

Justeru, pemilihan teknik penceritaan yang sesuai penting untuk menyampaikan sesuatu mesej kepada pembaca. Tanpa menggunakan teknik yang sesuai sudah tentu pemikiran yang cuba disampaikan oleh pengarang menjadi kabur. Penggunaan teknik yang sesuai akan menghidupkan lagi mesej yang disampaikan oleh pengarang dan menarik minat pembaca untuk membaca sesebuah karya. Teknik dan isi kandungan dalam sesebuah karya adalah unsur yang penting. Ketidakseimbangan antara keduanya akan menjaskankan nilai dan mutu sesuatu karya (Shahnon, 1996).

### i. Imbas Kembali

Teknik ini merupakan satu teknik plot yang digunakan oleh pengarang untuk menceritakan sesuatu peristiwa yang sudah berlaku sebelum peristiwa itu. Pengarang menggambarkannya melalui ingatan, kenangan, lintasan atau imbasan sesuatu watak terhadap sesuatu peristiwa yang telah berlaku sebelumnya. Imbas kembali merupakan suatu teknik pengarang mengenang semula peristiwa yang pernah dialaminya. Peristiwa itu boleh diimbas kembali melalui pemerian pengarang atau khayalan, dialog, monolog, atau monolog dalaman.

Teknik imbas kembali adalah antara beberapa teknik penceritaan yang paling digemari oleh penulis novel ini. Ia merupakan peristiwa lampau yang dialami oleh watak dan dilukiskan sama ada melalui fikiran, dialog dan monolog watak. Penceritaan langsung oleh pengarang juga adalah satu teknik lain yang berkesan bagi menunjukkan teknik imbas kembali ini (Norazmi, 1991)

Imbas kembali atau sorot kembali (*flashback*) ialah menghadirkan kembali keseluruhan satu episod, peristiwa dan insiden yang berlaku pada masa lepas sama ada baru berlaku ataupun

sudah lama berlaku ke dalam masa kini menerusi ingatan kembali seorang watak dalam karya. Kehadiran episod, peristiwa dan insiden ini sama seperti yang berlaku secara asalnya. Yakni episod itu lengkap dengan aktiviti watak-wataknya, latar tempat, latar suasana, latar keadaan, waktu, dialog dan kompilasi luaran dan dalaman dan yang terpenting dilengkapi sepenuhnya dengan unsur pancaindera seperti deria lihat, dengar, rasa, bau dan selera. Dengan perkataan yang lain teknik imbas samalah seperti membuat pergantungan pada sebuah artikel dan ditampalkan pada tempat yang dikehendaki dalam bentuk dan keadaan asalnya. Inilah salah satu teknik lazim digunakan oleh para penulis kreatif semenjak dahulu hingga sekarang, terutama bagi melengkapkan ceritanya (Fatimah, 2003)

Fungsi utama teknik imbas kembali ialah untuk menjadi penyambung kepada pembinaan plot. Kalau secara visual seperti dalam drama ataupun filem, teknik menghadirkan imbas kembali sering dibantu bunyi muzik ataupun mengaburkan wajah watak yang berkenaan. Imbas kembali boleh digunakan sewenang-wenangnya dalam karya terutama untuk memasukkan kembali beberapa episod dan peristiwa yang ditiadakan secara sengaja bagi menimbulkan kesan sampingan yang lebih menarik (Fatimah, 2003)

Novel *Dia* menekankan teknik imbas kembali dalam bentuk deskriptif sejarah. Novel ini mengisahkan peristiwa lampau tentang perjuangan Nabi Muhammad SAW menegakkan syiar Islam di kota Makkah dan Madinah serta seluruh Semenanjung Tanah Arab. Penceritaannya adalah secara langsung daripada pengetahuan pengarangnya sendiri yang dikutip daripada sumber sejarah Islam (Norazmi, 1991):

Sewaktu pulang semula ke rumah bersama-sama ayahnya, Abdullah terasa keadaannya samalah seperti Nabi Yusuf yang kembali ke dalam pelukan ayahnya setelah telantar di rantau orang. Kisah tentang Nabi Yusuf ini pernah didengarnya semasa menyertai rombongan Quraisy pergi ke Palestin (Dia, hlm 1)

Di Hadhramaut pula muncul seorang lain yang mengembara dengan keldainya sambil menyeru manusia supaya berakhhlak baik. Keadaannya persis seperti Nabi Isa yang menunggang keldainya dari Kota Galili menuju Jerusalem sambil menyeru manusia supaya bersikap adil dan benar (Dia, hlm 103)

## ii. Dialog

Dialog ialah percakapan atau pertuturan yang lazimnya berlaku antara dua orang ataupun lebih. Pengarang menggunakan teknik ini untuk menggerakkan atau mengembangkan cerita selanjutnya. Melalui dialog, pengarang dapat memaparkan atau menggambarkan pendapat atau pemikiran berkenaan dengan tema atau persoalan dalam novel tersebut. Fungsi dialog dalam cerpen atau novel tidak sama dengan fungsi dialog dalam drama. Antara fungsi dialog dalam cerpen dan novel ialah: i. sebagai pelengkap dalam peristiwa-peristiwa pilihan. ii. sebagai penjelasan kepada satu-satu peristiwa. iii. meredakan ketegangan iv. membangkitkan ketegangan v. menyingkatkan perjalanan masa. vi. memasukkan visi, wawasan pengarang. vii) memperkenalkan watak. viii. memperlihatkan suasana, keadaan. ix. menunjukkan waktu, masa. Penggunaan dialog dalam karya hendaklah tepat, jitu ringkas dan tidak berlebih-lebihan atau meleret-leret supaya tidak menyerupai unsur khutbah. Justeru dialog dalam karya perlu

dipelihara dari beberapa perkara yang boleh merosakkan dan melemahkan seperti penggunaan bahasa pasar dan bahasa harian mengikut pelat kedaerahan.

Teknik lain yang biasa digunakan dalam bidang prosa ialah dialog. Dialog melibatkan perbualan langsung antara dua watak. Pengarang juga menerapkan teknik *interior monolog* untuk menunjukkan perkara lampau yang sedang difikirkan oleh sesuatu watak. *Interior monolog* adalah ingatan watak terhadap sesuatu kejadian yang berlaku terutamanya yang berhubungan dengan diri watak berkenaan.

Contoh: dialog di antara Abu Talib dan Muhammad tentang pencarian wakil perniagaan oleh Khadijah ke Syam.

Pada suatu hari Abu Talib datang kepadanya dan berkata dengan agak serba salah, “Muhammad, aku tidak berharta dan keadaan kita pula tampaknya semakin sempit. Sekarang orang-orang sedang bersiap untuk berangkat ke Syam. Aku dengar Khadijah sedang mencari wakil untuk menjalankan perniagaannya di sana. Aku percaya dia tentu akan memilihmu kalau engkau menawarkan diri”. Walaupun Muhammad ingin sangat menjalankan perniagaan Khadijah, tetapi dia berat untuk menawarkan dirinya, lalu dia menjawab, “Biarlah Khadijah menghantar dahulu orangnya bagi menghubungiku”.

(Dia. hlm.18)

Dialog di antara Nabi Muhammad dengan Malaikat Jibrail tentang penurunan wahyu pertama

Pada hari itu Muhammad tidak tahu hakikat yang terjadi ke atas dirinya. Sedang dia duduk seperti biasa di gua Hira itu, tiba-tiba muncul suatu lembaga menyuruhnya membaca.

Dia lantas menjawab, “Aku tak tahu membaca”. Lembaga itu terus memeluknya, kemudian menyuruhnya membaca lagi. Muhammad menjawab seperti itu juga, dan sekali lagi dia dipeluk dan disuruh baca, Muhammad lalu bertanya, “Apakah yang muhkuh aku bacakan?” lembaga itu memeluknya lagi, kemudian melepaskannya dan terus mengajar. “Bacalah dengan nama Tuhanmu yang mencipta. Mencipta manusia dari segumpal darah. Bacalah, Tuhanmu itu Maha Pemurah, yang mengajar manusia dengan pena, serta apa-apa yang tidak diketahuinya”. Sesudah itu Muhammad terdengar lembaga itu berkata, “Muhammad! Engkau ialah pesuruh Allah dan aku ini Jibrail”. Kemudian suasana kembali sunyi sepi (Dia, hlm 33)

Dialog di antara Abu Bakar dan Muhammad setelah beberapa orang mengadu tentang ajaran Nabi:

Beberapa orang tua telah pergi menemui Abu Bakar dengan berkata, “Teman, Abu Bakar...”

“Mengapa dia?” Abu Bakar memotong dengan perasaan bimbang.

“Dia berada di masjid dan menyeru orang ramai menyembah Tuhan Yang Esa, dan mengaku menjadi Nabi”.

Abu Bakar berfikir sebentar kemudian menjawab, “Itu sajakah katanya?”  
“Ya”, mereka menjawab dan terus pergi dengan rasa yang cemas.  
Abu Bakar pun segera menuju ke Ka’bah tanpa menoleh ke kanan kiri hingga tiba di tempat Muhammad sedang menyebarkan ajarannya.  
“Muhammad, orang-orang menyampaikan kepadaku tentang ajaranmu. Benarkah demikian?” Abu Bakar bertanya.  
“Apakah yang mereka katakan kepadamu?” Tanya Muhammad pula.  
“Engkau menyuruh mentauhidkan Tuhan dan mengaku menjadi rasul?”  
“Memang benar demikian. Tuhanku telah menjadikan aku pesuruhNya yang membawa berita baik dan berita buruk kepada seluruh umat manusia serta mengutuskan aku dengan ajaran Ibrahim”, Muhammad menjawab dengan tegas. Sebaik-baik mendengar kata-kata itu Abu Bakar terus berkata, “Demi Allah, engkau tidak pernah cuba berbohong kepadaku. Sudah seharusnya engkau tidak pernah cuba berbohong kepadaku. Sudah seharusnya engkau dilantik menjadi rasul, kerana engkau seorang yang amanah, pergaulanmu baik dan tingkahlakumu dipuji oleh setiap orang. Hulurkan tanganmu, biar aku mengaku taat setia kepadamu” (Dia, hlm 39)

Dialog di antara Abu Bakar dan Ummu Jamil iaitu isteri Abu Lahab setelah turunnya surah al-Masad:

Suatu hari Ummu Jamil menemui Abu Bakar yang sedang berada di masjid dan berkata, “Mengapa temanmu bersyair pula?”  
“Temanku bukan penyair”, jawab Abu Bakar.  
“Bukankah dia mengatakan, pada leher wanita itu ada seutas tali rami?”, Tanya Ummu Jamil lagi sambil meraba-raba leher dan dadanya, serta bertanya di dalam hatinya, bagaimana dia tahu apa yang ada di leher wanita?  
Abu Bakar memejamkan mata dan tidak menjawab. Sementara Ummu Jamil dengan perhiasannya yang menyolok mata, menari-nari dan mengilai, kemudian berpusing meninggalkannya sambil berkata, “Engkau pun tahu aku ini anak penghulu kaum Quraisy” (Dia, hlm 48)

Dialog di antara Nabi Muhammad SAW dengan para sahabat; Ali bin Abu Talib, Abu Bakar, Umar dan wakil Quraisy ketika perbincangan syarat-syarat Perjanjian Hudaibiyah (Dia, hlm 200-201):

Muhammad meminta Ali bin Abu Talib supaya menuliskan, “Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Penyayang” di permulaan Perjanjian Damai itu. Tetapi wakil Quraisy memotong, “Aku tidak bersetuju dengan ayat itu”, dan lantas menyuruh Ali menggantikannya dengan, “Dengan namaMu wahai Tuhan!” Muhammad tidak membantah pindaan tersebut dan meminta Ali menuliskannya. Sesudah itu dia merencanakan, “Inilah syarat-syarat perdamaian yang dimeterikan oleh pesuruh Allah...”, tiba-tiba wakil Quraisy itu

memotong, “Tidak. Jangan menyebut pesuruh Allah kerana kami tidak mengakuimu sebagai pesuruhNya. Tulislah namamu dan nama bapa kamu”.

Muhammad pun meminta Ali memadam kata-kata pesuruh Allah dan menggantikannya dengan Muhammad bin Abdullah.

Tetapi Ali membantah dengan keras, “Tidak . Aku tidak kan memadamkannya, “Bantahan Ali telah disokong oleh kaum Muslimin yang menghadiri upacara itu. Mengapakah Muhammad mesti beralah? Mengapakah Muhammad mesti mengetepikan gelaran yang sudah menjadi sebutan yang lunak di bibir kaum muslimin? Umar yang duduk tidak jauh dari situ lantas bertanya kepada Abu Bakar, “Bukankah Muhammad itu pesuruh Allah?

“Ya. Dia memang pesuruh Allah”, jawab Abu Bakar.

“Bukankah kita semua ini orang Islam?” Tanya Umar lagi.

“Ya. Kita orang Islam”.

“Bukankah mereka golongan Musyrikin?”

“Ya. Mereka golongan Musyrikin”.

“Jadi, mengapakah kita patut beralah kepada mereka?”

Abu Bakar lantas meminta Umar bertenang. Tetapi Umar mengulangi pertanyaannya kepada Muhammad pula, dan Muhammad pun menjawab, “Aku hamba Allah dan pesuruhNya. Aku tidak pernah menyalahi perintahNya dan Dia tidak pernah mengecewakan daku”.

(Dia, hlm 72)

### **iii. Monolog Dalaman**

Teknik ini merujuk kepada pengucapan atau tutur kata oleh sesuatu watak secara bersendirian. Dengan perkataan lain, teknik monolog bermaksud sesuatu watak itu akan bercakap seorang diri. Kadangkala, monolog itu juga mungkin berupa doa, rungutan, keluh-kesah ataupun ratapan. Teknik ini merujuk kepada percakapan, lintasan, atau rintihan dalam hati atau fikiran sesuatu watak dan tidak diketahui oleh watak-watak yang lain, Ia adalah percakapan diri yang tidak dizahirkan secara pertuturan dan lazimnya terjadi dalam masa yang singkat sahaja. Monolog juga tidak memberati berbagai-bagai kesan secara dalaman seperti psikologi, falsafah dan pandangan hidup.

Fungsi monolog yang utama ialah sebagai alat menghadirkan konsep ruang dan masa dalam karya. Fungsi yang kedua ialah sebagai menggerakkan atau menghidupkan watak secara dalaman sama ada melalui naluri, psikologi dan secara spiritual. Contoh yang dapat dilihat dalam novel ini ialah monolog Khadijah:

Khadijah berkata sendirian, “Wanita-wanita juga menyayanginya. Alangkah baiknya kalau dia meminangku” (Dia. hlm 19)

### **iv. Penggunaan ayat-ayat al-Quran dan hadis**

Satu kelaziman yang terdapat dalam karya prosa Islam ialah kebiasaan penulis memasukkan pengertian ayat-ayat suci al-Quran bagi menunjukkan kebenaran ajaran Islam dan

melaksanakan visi berdakwah menyampaikan ajaran Islam, penulis menggunakan gaya bahasa yang menjurus ke arah keislaman seperti memasukkan petikan ayat al-Quran dan hadis. Terdapat sejumlah 27 ayat al-Quran yang dipetik; iaitu 25 ayat merupakan terjemahan, manakala dua ayat yang lain dipetik secara langsung.

Surah Taha:

طه ( ١ ) مَا أَنْزَلْنَا عَلَيْكَ الْقُرْآنَ لِتُشْقَىٰ ( ٢ ) إِلَّا تَذَكَّرَ لِمَنْ يَخْشَىٰ ( ٣ )

Surah al-Fath:

إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُّبِينًا ( ١ ) لِيغْفِرَ لَكَ اللَّهُ مَا تَقْدِمُ مِنْ ذَنْبٍكَ وَمَا تَأْخُرُ وَيَنْتَمِ نِعْمَتُهُ عَلَيْكَ وَيَهْدِيَكَ صِرَاطًا مُّسْتَقِيمًا ( ٢ ) وَيَنْصُرَكَ اللَّهُ نَصْرًا عَزِيزًا ( ٣ ) .

Contoh terjemahan ayat al-Quran daripada surah *al-Masad* tentang isteri Abu Lahab:

Binasalah Ummu Jamil sebagaimana binasanya Abu Lahab, “Binasalah diri Abu Lahab, sebenarnya dia telah binasa, dan isterinya memikul kayu api”.  
(Dia, hlm 48)

Ayat-ayat suci al-Quran dipetik bagi meyakinkan orang bukan Islam; (Dia, hlm 80):

“Jangan kamu mensyirikkanNya dengan sesuatu. Kepada kedua ibubapa hendaklah kamu berbuat baik, jangan membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kemiskinan, dan jangan mendekati perkara-perkara jahat lahir dan batin”.

Ayat-ayat suci al-Quran dipetik bagi memberi peringatan, contohnya apabila Nabi SAW menolak cadangan penyembahan berhala seperti kaum musyrikin dengan keras (Dia, hlm 66):

Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Kamu juga bukan menyembah apa yang aku sembah. Kamu dengan agamamu dan aku dengan agamaku”

(terjemahan al-Quran: Surah al-Kafirun: ayat 4-7)

atau nasihat:

Apabila tiba di Madinah, Muhammad pun membacakan kepada mereka: (Dia, hlm 181, 204)

“Mereka berkata, kalau kami kembali ke Madinah, sesungguhnya orang yang berkuasa akan mengusir orang yang rendah. Tetapi kekuasaan itu kepunyaan Allah dan rasulNya dan orang-orang yang beriman, tetapi orang –orang munafik itu tidak mengetahuinya”.

(terjemahan al-Quran: Surah al-Munafiqun: Ayat 8)

Sesudah mendengar keterangan ini, masing-masing pulang ke rumah dan tidur dengan nyenyaknya!

dan menguatkan mesej Islam yang ingin disampaikan oleh pengarangnya;

“Kamu telah didatangkan beberapa bukti-bukti yang terang dari Tuhan kamu. Siapa yang memerhatikannya maka itu adalah baik untuk dirinya dan siapa yang membuta, maka dia menanggung kerugian. Aku bukan pengawal kamu” (Dia, hlm 169)

Kebanyakan prosa Islam mempunyai pendekatan atau teknik demikian di samping menunjukkan ciri-ciri keislaman karya tersebut. Ini menggambarkan adanya usaha penulis merujuk al-Quran bagi menguatkan persoalan yang disampaikan.

Terdapat dua petikan terjemahan hadis dalam novel *Dia* iaitu; pertama tentang kelebihan ilmu pengetahuan adalah lebih baik daripada kelebihan ibadat.

Ini ialah kerana dia sering melihat sahabat-sahabatnya terlalu menitikberatkan ibadat; mereka sentiasa berjaga malam dan berpuasa di siang hari, malah ada yang tidak mendekati isteri masing-masing. Sedangkan dia tidak pernah berbuat demikian kerana dia sendiri hidup seperti biasa, makan minum seperti biasa, bergaul dengan isteri seperti biasa dan seterusnya menikmati segala rezeki yang baik-baik. Agama yang dibawanya juga mengajarkan cara-cara bergaul sesama manusia. Kemudian apabila ditanya tentang seorang mukmin yang banyak bersembahyang, bersedekah dan berpuasa tetapi menyakiti tetangganya, Muhammad menjawabnya dengan tegas, “Dia masuk neraka”.(Dia, hlm 109) Pada suatu hari dia pulang ke rumah dan mendapati isterinya, Aisyah, sedang duduk berbual dengan beberapa orang wanita dengan seorang daripadanya kelihatan sayu dan sedih serta berpakaian buruk dan usang. Muhammad memanggil isterinya dan bertanya tentang wanita itu. Aisyah pun menjawab, wanita tersebut ialah isteri seorang sahabat yang sentiasa berpuasa di siang hari dan beribadat di malam hari!

Inilah akibat kalau para suami sibuk beribadat sehingga tidak mengendah isteri masing-masing! Lalu dia mengutus seseorang bagi memanggil sang suami itu. Apabila suami tersebut datang, Muhammad pun berkata, “Aku mendapat tahu engkau berpuasa pada setiap siang dan berjaga pada setiap malam kerana beribadat. Hentikanlah perbuatan itu! Engkau wajib menunaikan hak jasmanimu dan hak isterimu!”.

Nasihat itu diterima oleh suami tersebut dengan baik dan terus mengamalkannya. Pada pagi berikut wanita itu datang menemui Aisyah dengan penuh kegembiraan.

“Mengapa engkau gembira?” Aisyah bertanya.

“Kami sudah hidup seperti kelamin-kelamin yang lain!” jawab wanita itu dengan senyum malu memperlihatkan kedua belah pipinya yang kemerah-merahan.

Hadis ini merupakan hadis *Sahih al-Bukhari* yang diriwayatkan dari Abdullah bin ‘Amru bin ‘Ash r.a yang merupakan nasihat dan teguran Nabi SAW kepada beliau (<https://sigir.uitm.edu.my/webhadis/Carian> pada 6/2/2022)

Hadis kedua ialah tentang prinsip jual beli dalam Islam. Peristiwa ini berlaku di pasar baru di kota Madinah. Segala urusan di pasar baru ini adalah berasaskan keadilan dan menghormati hak satu sama lain.

Di samping itu layanan yang baik perlu diberikan kepada golongan yang susah. Kepada semua para saudagar, Muhammad berpesan, “Siapa yang memberi kemudahan kepada orang susah di dunia, ia mendapat kemudahan di dunia dan di akhirat. Tuhan sentiasa menolong hambaNya selama hambaNya itu menolong saudaranya”. Kepada pihak yang menghalalkan sebahagian hutang yang dipinjamkan kepada orang yang susah, Muhammad berjanji bahawa, “Allah akan meletakkannya pada hari kiamat kelak di bawah lindungan ‘arasyNya ketika mana tiada tempat perlindungan kecuali perlindunganNya”, dan “Siapa yang menyenangkan orang yang susah, doanya dikabul dan kedukaannya dihapuskan”.

Kebanyakan para saudagar dari luar merasa prinsip-prinsip Islam mengenai jualbeli sangat adil dan patut dicontohi. Malah ada di antara mereka, tanpa ragu-ragu, terus menganut agama Islam (Dia, hlm 111).

Hadis ini merupakan hadis *Sahih al-Bukhari* yang diriwayatkan oleh Abdullah bin ‘Umar r.a. (<https://sigir.uitm.edu.my/webhadis/Carian> pada 6/2/2022).

## Bahasa

Dalam bidang puisi, bahasa yang berbau kearaban dan keislaman amat banyak dimasukkan. Dalam bidang prosa juga berlaku hal yang sama. Bahasa berbau kearaban dan keislaman ini lahir kerana keinginan penulis menyesuaikan dengan suasana, watak dan latar Islam yang ada. Dalam novel *Dia* oleh Mohd Labib amat banyak dimuatkan dengan nama-nama Arab seperti nama tempat dan nama-nama watak. Sebagai novel sejarah yang mengisahkan zaman keagungan Islam, sezaman dengan Nabi Muhammad SAW, hal ini merupakan sesuatu yang perlu. Antara tokoh-tokoh yang diceritakan ialah seperti Nabi Yusuf, Abdul Muttalib, Abdullah, Aminah, Abrahah, Waraqah bin Naufal, Abdullah bin Jahasy, Khadijah, Abu Lahab, Abu Suffian, Nabi Muhammad SAW, Zubir bin Awwam, Abu Talib, Umar al-Khattab, Zaid bin Harisah, Amr bin al-As, Abdul Rahman bin Auf, Abu Bakar Siddik, Saad bin Abi Waqas, Talhah bin Abdullah, Usman bin Affan, Khalid bin al-Walid, Bilal dan lain-lain. Nama-nama tempat yang dihubungkan dengan sejarah Islam Nabi ialah Makkah, Madinah atau Yathrib, Syam, Taif, Lembah Nakhlah, Ukaz, Gua Hirak, Rom dan lain-lain lagi.

## Sudut Pandangan

Tugas utama pencerita ialah menyalurkan ceritanya kepada pembaca. Cara bagaimana pembaca dihidangkan dengan bahan cerita, atau bagaimana pengarang memilih cara gaya yang sesuai dan terbaik untuk mengemukakan ceritanya dikenali sebagai sudut pandangan.

Sudut pandangan orang ketiga adalah satu teknik penceritaan yang cukup popular di kalangan pengarang. Penggunaan dan pengambilan sudut pandangan orang ketiga serba tahu bermakna menceritakan segala yang berlaku sebagai seorang yang mengetahui segala-galanya. Ini bermakna pencerita dapat melihat aksi, pemikiran dan perasaan watak-watak dalam cerita. Sudut pandangan keserbatahuan narrator ini mengambil nama dang anti nama orang ketiga sebagai pencerita dalam cerita berkenaan. Dalam novel *Dia*, Mohd Labib menggunakan sudut pandangan orang ketiga menggunakan kata ganti nama ketiga iaitu “dia” dan nama watak sebenar (Muhammad) kerana kesesuaianya dengan cerita. Hal ini dapat dilihat daripada permulaan novel sehingga akhirnya. Ia memperlihatkan penceritaan pengarang secara ringkas atau panorama dalam bentuk pemberitaan yang merangkumi beberapa peristiwa dalam suatu jangka waktu yang agak panjang.

## Latar

Latar bermaksud semua keterangan atau gambaran yang berkaitan dengan tempat, masa atau masyarakat. Latar memainkan peranan penting dalam sesebuah cereka kerana dapat menjelaskan cerita itu lagi. Latar dapat menjelaskan sesuatu cerita berdasarkan pelaku, tempat, dan masa peristiwa itu berlaku. Latar dapat menjelaskan sama ada masanya singkat atau lama. Selain itu, latar turut menjelaskan latar belakang masyarakat dari segi kaum, agama, kepercayaan, amalan, atau budayanya. Latar juga kadang-kadang dipanggil citra, dibahagikan kepada tiga jenis iaitu latar masa, tempat dan masyarakat. Aspek latar meliputi ruang tempat, masa dan suasana. Prosa berunsur Islam umumnya menekankan latar kebenaran atau dipercayai kebenarannya.

### a. Latar Masa

Latar masa menggambarkan masa atau waktu, zaman, dan tempoh berlakunya peristiwa-peristiwa dalam cereka. Dari segi masa, mungkin peristiwa tersebut berlaku pada waktu subuh, pagi, petang, dan malam. Tempoh masanya pula mungkin berlaku selama beberapa minit, jam, hari, minggu, bulan, tahun, atau abad. Zaman berlakunya peristiwa tersebut ialah zaman jahiliah, zaman selepas kedatangan Islam dan zaman selepas penghijrahan Nabi ke Kota Madinah. Novel *Dia* misalnya mengambil latar pada zaman permulaan Islam di Semenanjung Tanah Arab iaitu zaman Nabi Muhammad SAW. Zaman itu penuh dengan sejarah peperangan untuk menegakkan syiar Islam (Nurazmi, 1991)

Semua peristiwa yang digambarkan dalam novel ini berlaku pada zaman sebelum kelahiran Nabi Muhammad SAW sehingga wafat baginda. Tempoh masa keseluruhan cerita dalam novel ini adalah lebih kurang dua puluh tiga tahun. Peristiwa-peristiwa dalam novel ini

berlaku pada waktu-waktu tertentu seperti kehidupan manusia iaitu waktu pagi, petang, dan malam. Yang berikut disenaraikan contoh latar masa tersebut:

**(i) Musim bunga**

Musim bunga telah bermula.....

Batang-batang gandum di ladang-ladang negeri Yaman kelihatan semakin meninggi, daun-daun anggur di bumi Taif kelihatan lebat, sementara di Yathrib udara di taman-taman bunganya diselubungi bau wangi yang semerbak harum. Lembah-lembah kelihatan menghijau, dan buah-buah kurma yang sedang mekar bergayutan di pohon-pohon.

Manakala itu, musim bunga di Makkah merupakan tempoh orang bersiap-siap untuk memulakan pengembaraan perdagangan musim panas ke Syria.

Pada musim bunga tahun 570M itu Aminah berasa berat untuk mengizinkan suaminya mengikuti rombongan perdagangan, seolah-olah ada sesuatu yang membimbangkannya, lebih-lebih lagi dia sedang mengandung (Dia, hlm 6-7).

**ii. Musim kemarau**

Biasanya apada musim kemarau, wanita-wanita dari suku Bani Sa'ad akan datang ke Makkah untuk mengambil upah menyusukan bayi. Pada tahun itu, walaupun kemarau terlalu hebat dan ramai wanita-wanita suku tersebut yang datang, namun setiap kali Abdul Muttalib menawarkan Muhammad, mereka menolak sambil menjawab, "Dia anak yatim. Apakah yang dapat diberikan oleh ibu dan datuknya kepada kami? Lainlah kalau ayahnya ada!" (Dia, hlm 8).

**iii. Musim buah**

Musim buah telah tiba, dan saudagar-saudagar Makkah mula bersiap-siap untuk pengembaraan musim sejuk yang bakal menjelang tiba. Sesetengah-setengah saudagar seperti biasa datang menemui Muhammad untuk mengamanahkan sesuatu kepadanya (Dia, hlm 87)

**iv. Musim sejuk**

Sewaktu pergi ke Yaman pada musim sejuk berserta Zubair kerana mengikuti rombongan perdagangan sebagai kuli upahan, Muhammad telah menyaksikan perbuatan-perbuatan menyayat hati yang dilakukan oleh kaum saudagar untuk mendapatkan keuntungan secara haram (Dia, hlm 17).

v. **Musim haji**

Musim perdagangan merupakan musim haji untuk mengunjungi Kaabah. Pasar-pasar perniagaan seperti ‘Ukaz didirikan di sekitar kota itu. Pada musim tersebut Makkah penuh sesak dengan manusia dari pelbagai golongan dan sibuk dengan berbagai kegiatan (Dia, hlm 5).

vi. **Bulan Ramadhan**

Pada suatu hari di bulan Ramadhan, Muhammad kembali dari Gua Hirak dalam keadaan pucat, menggeletar dan dengan seluruh badannya dibasahi peluh. Khadijah terkejut melihat suaminya dalam keadaan demikian. Tentu ada sesuatu yang aneh berlaku ke atas dirinya (Dia, hlm 33)

vii. **Malam**

Di tengah-tengah ketenangan malam, yang sebelum itu diganggu oleh jeritan orang-orang yang terlantar, suara-suara ketawa hilai perempuan berbaur dengan bunyi hantukkan gelas-gelas minuman khamar di ruang-ruang istana...di tengah-tengah ketenangan malam yang sentiasa memberi kenikmatan baru kepada golongan pemilik dan sebaliknya penderitaan baru kepada golongan fakir miskin...di tengah-tengah ketenangan malam seperti itu, terdengarlah suara-suara kecil yang penuh khusyuk membacakan kata-kata yang diajarkan oleh Muhammad, kata-kata yang membawa pengertian pembebasan kepada hati yang sudah terlalu berat menanggung penderitaan (Dia, hlm 42).

viii. **Bulan Rejab**

Peristiwa itu berlaku pada bulan Rejab, iaitu bulan suci ketika rombongan-rombongan haji mula mendatangi Makkah, dan pertumpahan darah di dalam bulan itu adalah dilarang sama sekali (Dia, hlm 116).

b. **Latar Tempat**

Latar tempat merujuk kepada tempat berlakunya peristiwa dalam sesebuah cerea itu. Pengarang novel ini menyatakan nama-nama tempat yang khusus seperti di Makkah, Syam, Pasar Ukaz, Gua Hirak, Madinah, medan perang Badar, Uhud dan Khandaq. Hal ini kerana novel ini merupakan adaptasi daripada kisah Nabi SAW yang benar berlaku.

i. **Makkah**

Apabila tiba semula di Makkah, tanpa berlengah-lengah lagi Abdul Muttalib terus menjalankan pesanan tukang tilik itu (Dia, hlm 2)

Pada abad ke 6 Masihi, Makkah merupakan sebuah kota besar dan pusat persinggahan rombongan-rombongan pedagang. Sebagai sebuah negeri bukan pertanian, ekonomi Makkah bergantung semata-mata kepada hasil perdagangan, malah teraju pemerintahannya dipegang oleh pedagang-pedagang belaka. Mereka lah yang membuat undang-undang dan membina tradisi-tradisi untuk memelihara kepentingan perdagangan mereka (Dia, hlm 4)

Bangsa Arab menganggap Makkah sebagai ibu kota mereka serta menamakannya Umm al-Qura, kerana ia mengandungi Kaabah, bangunan tertua, tempat di mana terhimpunnya berhala-berhala dari seluruh Semenanjung Tanah Arab serta dikunjungi oleh orang-orang yang datang dari segenap pelosok semenanjung itu (Dia, hlm 5)

## **ii. Pasar ‘Ukaz**

Musim perdagangan merupakan musim haji untuk mengunjungi Kaabah. Pasar-pasar perniagaan seperti ‘Ukaz didirikan di sekitar kota itu. Pada musim tersebut Makkah penuh sesak dengan manusia dari pelbagai golongan dan sibuk dengan berbagai kegiatan. Para penyair mempertandingkan hasil ciptaan mereka masing-masing, dan mana-mana penyair yang Berjaya mendapat penghormatan digantung di tembok Ka’bah. Mahkamah-mahkamah dibentuk untuk mengadili dan mendamaikan suku-suku yang bersengketa. Sementara suku-suku lain membuat pengumuman untuk tidak menceroboh, tidak bermusuhan, tidak bertanggungjawab atas kesalahan anggota-anggotanya serta tidak akan menuntut bela. Pada masa-masa seperti ini, setengah-setengah suku yang lemah akan mengambil peluang meminta bantuan mempertahankan diri dari kumpulan-kumpulan perompak dan penjahat.

Pasar ‘Ukaz juga dikunjungi oleh golongan paderi yang anti sistem gereja, orang-orang Yahudi yang menceritakan kisah-kisah yang tercatat di dalam kitab suci mereka, wanita-wanita Quraisy yang mencari bakal suami, sami-sami yang menyebar ajaran-ajaran Hindu dan Farsi dengan kata-kata bersanjak, raja-raja dan putera-putera mereka yang ingin mendapatkan barang-barang dan batu-batu permata yang luar biasa, penjual-penjual khamar, pencuri-pencuri profesional, wanita-wanita jalang, ahli-ahli sejarah dan pencatat-pencatat nasab keturunan! (Dia, hlm 5)

## **iii. Yathrib**

Yathrib ialah sebuah kota perdagangan. Di sana terdapat pasaran menjual senjata, barang-barang pertukangan emas dan perak dan kedai-kedai makan. Tidak seperti Makkah, bumi Yathrib sangat subur dan banyak ladang-ladang. Sebahagian besar dari perdagangan dan kekayaan kota Makkah bergantung kepada hubungan baik di antara kedua kota ini! (Dia, hlm 83)

Yathrib ialah sebuah kota besar, dan kaum Yahudi telah mengungsi ke sana sejak beberapa abad yang lampau, kemudian menetap dan mengerjakan

tanahnya yang subur kerana disirami anak-anak sungai yang mengalir dari gunung-gunung di sekitarnya (Dia, hlm 93).

#### iv. **Nakhlah**

Apabila tiba di lembah Nakhlah, mereka bertemu dengan qafilah Quraisy yang membawa barang-barang dagangan kulit dan anggur dengan dikawal oleh sepasukan tentera yang kecil bilangannya. Mereka pun menyerang dan berjaya membunuh beberapa orang askar pengawal serta menawan dua orang dan semua barang-barang dagangan itu dirampas (Dia, hlm 116)

### c. **Latar Masyarakat**

Latar masyarakat bermaksud gambaran yang berkaitan dengan masyarakat dalam sesebuah cerek. Gambaran masyarakat biasanya merangkumi aspek latar belakang masyarakat seperti kaum, bangsa, keturunan, adat resam, kepercayaan, aktiviti sehari-hari, dan pekerjaan anggota masyarakatnya. Masyarakat yang digambarkan oleh pengarang dalam novel ini merujuk kepada masyarakat Arab pada zaman jahiliah dan selepas kedatangan Islam, kaum-kaum lain pada zaman tersebut seperti Yahudi dan Nasrani yang mendiami kota Makkah, kota Madinah, yang tinggal di pendalaman, di kampung dan di bandar. Selain itu, pengarang juga menggambarkan masyarakat tersebut yang bekerja sebagai ahli perniagaan, pedagang, penggembala kambing. Pengarang menggambarkan latar ini seperti dalam petikan yang berikut:

#### i. **Bangsa Quraisy yang mewah**

Pada masa itu, harta, berhala dan kemewahan hidup menjadi milik golongan kaya sahaja. Ukuran kebanggaan di kota Makkah ialah bilangan hamba abdi yang dimiliki, jumlah harta kekayaan, kebolehan meminum khamar seberapa banyak, berapa jumlah orang yang dibunuh dan kebuasan mencabul kehormatan (Dia, hlm 6)

#### ii. **Penduduk Yathrib yang pelbagai**

Penduduk Yathrib yang terdiri dari berbagai-bagai suku kaum dan menganut berbagai-bagai agama itu tidak mempunyai suatu lambang seperti Kaabah (Dia, hlm 94)

#### iii. **Kaum Yahudi yang suka bertelagah**

Kaum Yahudi di Yathrib sering bertelagah sesama sendiri kerana masalah-masalah kepercayaan agama yang remeh-temeh dan kerana merebut harta kekayaan (Dia, hlm 94)

**iv. Suku kaum di Yathrib yang suka bermusuh**

Begitu juga halnya dengan suku-suku Arab , Aus dan Khazraj. Kemudian di antara kaum Yahudi dan suku-suku Arab itu pula sering timbul pertikaian yang menyebabkan masing-masing suku mengadakan pakatan dengan suku-suku kaum dari luar Yathrib untuk menentang lawannya masing-masing (Dia, hlm 95).

**v. Kaum Yahudi Bani al-Nadhir yang khianat**

Sebenarnya kaum Yahudi Bani al-Nadhir ingin mewarisi perdagangan kaum Yahudi Bani Qainuqa' yang telah dihalau keluar dari kota Madinah. Tetapi sejak mendapati saudagar-saudagar Islam telah menguasainya, mereka lalu mencari jalan untuk mensabotaj ekonomi Islam. Sebab itu mereka memperbesarkan gedung-gedung perjudian apabila melihat setengah-setengah kaum Muslimin gemar mengunjunginya selepas mengalami kekalahan di medan Uhud (Dia, hlm 164)

**vi. Adat Peperangan dan Perlindungan**

Di dalam salah satu pasar mereka bertemu dengan suatu rombongan dan Abu Bakar lantas bertanya, “Siapakah kamu?”

“Kami dari suku Syaiban bin Tha’labah”, jawab seorang jurucakapnya.

Abu Bakar pun menyebut beberapa keagungan suku itu menyebabkan mereka merasa gembira dan bangga. Kemudian dia bertanya, “Bagaimana tentang adat peperangan dan perlindungan di kalangan kamu?”

“Kami lebih pentingkan senjata dan binatang daripada anak”, jawab jurucakap itu.

Sesudah itu Abu Bakar memperkenalkan Muhammad kepada mereka, dan Muhammad pun berkata, “Dengarlah, aku bacakan apa yang diharamkan oleh Tuhan kamu. Jangan kamu mensyirikkanNya dengan sesuatu. Kepada kedua ibubapa hendaklah kamu berbuat baik, jangan membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kemiskinan, dan jangan mendekati perkara-perkara jahat lahir dan batin”.

“Apa lagi yang engkau serukan, wahai saudara Quraisy?”. Tanya seorang daripadanya.

Muhammad menyeru mereka agar berlaku adil, beramal kebajikan, membantu kerabat, menjauhkan kejahatan, kemungkaran dan kecurangan (Dia, hlm 80)

## Kesimpulan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penulis memilih pendekatan ini untuk menyajikan sebuah riwayat hidup Rasulullah SAW dalam bentuk yang mempesona dan mengesankan.

Memandangkan cukup banyak buku-buku sejarah Rasulullah SAW yang telah ditulis dalam bentuk penulisan sejarah tradisional stereotaip, maka novel ini boleh dianggap sebagai sebuah percubaan penulisnya untuk menyampaikan maklumat sejarah kepada anak-anak muda dan generasi baru dalam bentuk yang menarik dan enak dibaca. Novel ini menepati ciri-ciri sebuah karya Islam dari sudut intrinsik atau strukturnya yang merangkumi tema, judul, plot, watak dan perwatakan dan latar, yang disajikan melalui teknik penyampaian atau penceritaan yang menarik seperti dialog, monolog dan imbas kembali.

Penulis telah mengeksplorasi sirah Nabi SAW dalam novelnya yang berjudul *Dia* melalui plot, watak dan latar. Elemen latar lebih banyak digunakan untuk menggambarkan suasana yang natural dalam novel ini. Penulis memainkan warna-warni latar untuk menarik perhatian pembaca agar dapat membawa pembaca kepada unsur suspensi.

Masa, tempat dan sosial (masyarakat) adalah reka bentuk latar yang mengusai keseluruhan unsur utama novel *Dia* iaitu: estetika, artistik dan retorik dalam menghasilkan citra perasaan sama ada panik, ingin tahu, suspen, ketawa, sedih yang merupakan visualisasi penulis dalam mengangkat lembaran karyanya yang bernilai ini.

*Trend* elemen plot adaptasi sirah Nabi SAW dalam novel ini telah dimulakan bermula dari puncak kemudian mendatar dan berakhir dengan menjunam apabila dimasukkan kisah kewafatan baginda dan peninggalan baginda sebagai warisan ummatnya.

Keseluruhan elemen yang dizahirkan oleh penulis dalam novelnya ini merentasi gaya bahasa retorik dan artistik yang terikat dengan sunnah atau hadis nabi SAW, kerana padanya terdapat nasihat, panduan dan *mauizah*.

## Rujukan

- Ahmad, A & Che Man, S. H. 1996. *Bunga Rampai Sastera Melayu Warisan Islam*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, M.L. 1973. *Dia*. Kota Bharu. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Busu, F. 2003. *Memupuk Bakat dan Minat Penulisan Kreatif Teori dan Proses*. PTS Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Elisabet Saina, Syamsiyah, & Riko. 2020. Analisis Struktur dalam Novel “Seperti Hujan Yang Jatuh Ke Bumi“ Karya Boy Candra. *Metalingua Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*. 5(1): 7-13.
- <https://sigir.uitm.edu.my/webhadis/> Februari 22, 2022.
- Kamus kesusasteraan*. 2015. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kuntum, N. 1991. Teori dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurain, K.K.H & Sim, C.C. 2019. Satu Penelitian Strukturalis Terhadap Sastera Indie Terpilih. *Gendang Alam*. Edisi Khas: 109-130.
- Puteh, O. 1983. *Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Othman Kelantan. 1986. *Teknik Mengkaji Novel (Dalam dan Luaran)*. Petaling Jaya. Karya Bistari Sdn. Bhd.

- S. Othman Kelantan. 1984. Asas Landasan Menilai Sastera Islam. *Berita Minggu*. 30 September. Hlm 17.
- S. Othman Kelantan. 1987. *Arah Pemikiran Sastera Malaysia*. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. S.
- Shahnon, A. 1979. *Gubahan Novel*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Sharqawi, 'Abd al-Rahman. 1990. *Muhammad Rasul al-Hurriah*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Sheikh Abdullah Muhammad Basmeih. 1997. *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Edisi ke-14. Kuala Lumpur. Darul Fikr.